



SAIFULLIZAN TAMADI | BERITA HARIAN

BANGGA: Noorul Shaiful (tengah) berkongsi kejayaan bersama Ross Aniza (kiri) dan Teoh selepas Majlis Istiadat Pemasyihuran Canselor dan Majlis Konvokesyen kali ke-5 Universiti Malaysia Terengganu.

Noorul Shaiful dianugerah Pingat Emas Canselor UMT

BH 28/08/07
P8-B10

KUALA TERENGGANU: Anak kelahiran Kuala Lumpur, Noorul Shaiful Fitri Abdul Rahman, graduan Sarjana Pengurusan Maritim dianugerahkan Pingat Emas Canselor pada Majlis Konvokesyen kelima Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kelmarin.

Pengalaman menjadi pelajar cemerlang bukan perkara baru bagi Noorul Shaiful yang mencipta kecemerlangan dari sekolah rendah, menengah dan pengajian peringkat diploma.

Noorul Shaiful pernah meraih gelaran pelajar terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ketika belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dr Burhanuddin, Taiping, dan pelajar ter-

baik keseluruhan peringkat diploma di Universiti Putra Malaysia (UPM), Kampus Bintulu, Sarawak.

Kejayaan manis Noorul Shaiful turut dikongsi bersama bapanya, Abdul Rahman Daud, 60, yang juga pesara kerajaan serta ibunya, Robiah Ramley, 49.

Anak ketiga daripada empat adik beradik, sentiasa menjadikan doa sebagai harapan serta ibu bapanya sebagai penyuntik semangat untuk melakukan yang terbaik dalam bidang akademik dan kokurikulum.

"Saya pernah mendapat keputusan dengan purata markah keseluruhan (CGPA) 4.0 ketika menuntut peringkat diploma dan menerima sijil dekan setiap

semester dan Anugerah Naib Canselor.

"Saya mengamalkan prinsip hidup yang mudah iaitu memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembelajaran dan jika terbabit dengan aktiviti kokurikulum, tumpuan pembelajaran mesti digandakan.

"Kejayaan ini disebabkan saya berpegang kepada hadis Nabi Muhammad SAW supaya kita berusaha mencari ilmu," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen di Dewan Sultan Mizan, di sini.

Selain Noorul Shaiful, dua lagi penerima Anugerah Pelajar Diraja ialah graduan Sarjana Muda Kaunseling, Ross Aniza Ramlan dan Teo Wenfang graduan Sarjana Muda Matematik Kewangan.